



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG  
BILANGAN 6 TAHUN 2019**

---

**Penggunaan Cogan Kata #MajuTerusPahang Dan #Pahang1<sup>st</sup> DALAM SURAT  
RASMI KERAJAAN NEGERI PAHANG**

---

**UNIT KORPORAT  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

## KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Tujuan	1
Latar Belakang	1
Pelaksanaan	2
Pemakaian	2
Tarikh Berkuat Kuasa	2
Pertanyaan	3
Senarai Lampiran	4

**SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG  
BILANGAN 6 TAHUN 2019**

**PENGGUNAAN COGAN KATA #MajuTerusPahang DAN #Pahang1<sup>st</sup> DALAM  
SURAT RASMI KERAJAAN NEGERI PAHANG**

---

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan kepada agensi Kerajaan Negeri Pahang berkaitan tatacara penggunaan cogan kata #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup> dalam surat rasmi Kerajaan Negeri Pahang secara lebih tuntas.

**LATAR BELAKANG**

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pahang ke-18/2019 pada 26.06.2019 (Rabu) telah bersetuju memperhalusi cadangan penggunaan cogan kata #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup> di dalam surat rasmi Kerajaan Negeri Pahang.
3. Perkara ini adalah susulan daripada amanat YAB Menteri Besar sempena Program Perutusan YAB Menteri Besar Kepada Penjawat Awam pada 24 Jun 2019 yang mengumumkan bahawa #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup> adalah cogan kata rasmi bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang.
4. #MajuTerusPahang merupakan pilihan cogan kata yang relevan dan signifikan dengan hala tuju Pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang iaitu menjadi negeri maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025. Manakala #Pahang1<sup>st</sup> dipilih sebagai cogan kata pemangkin yang menggambarkan bahawa Negeri Pahang sentiasa berada teratas dalam semua aspek dan meletakkan kemajuan dan kesejahteraan negeri sebagai agenda utama (*priority*).
5. Cadangan dan format penggunaan cogan kata #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup> di dalam surat rasmi Kerajaan Negeri Pahang telah dibincangkan secara

terperinci melalui Mesyuarat Jawatankuasa Dasar yang telah diadakan pada 25 September 2019 (Rabu). Seterusnya, kertas makluman berhubung perkara ini telah diangkat ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK Ke-33/2019) yang bersidang pada 23 Oktober 2019 dan bersetuju meluluskan cadangan penggunaan cogan kata ini.

6. Penggunaan cogan kata #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup> di dalam surat rasmi Kerajaan Negeri Negeri Pahang akan memberi gambaran bahawa Pentadbiran Negeri sangat optimis dalam menerajui Negeri Pahang untuk menjadi sebuah negeri maju berpendapatan tinggi.

## **PELAKSANAAN**

7. Bagi memastikan keseragaman dan pematuhan penggunaan cogan kata #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup>, Tatacara Penggunaan #MajuTerusPahang dan #Pahang1<sup>st</sup> disertakan di **Lampiran A**.

## **PEMAKAIAN**

8. Pekeliling ini terpakai kepada semua agensi Perkhidmatan Awam Negeri Pahang, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **TARIKH BERKUAT KUASA**

9. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan dan terpakai sehingga dibatalkan, melainkan jika terdapat arahan terkini atau perkembangan baharu yang memerlukannya dikaji semula.

## **PERTANYAAN**

10. Sebarang pertanyaan berhubung pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Unit Korporat  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang  
Aras Bawah, Blok C  
Wisma Sri Pahang,  
25503 Kuantan, **PAHANG**

No. Telefon : 09-5157 449

No. Faks : 09-5157 448

E-mel : [sukorporat@pahang.gov.my](mailto:sukorporat@pahang.gov.my)

***“Mudah, Cepat, Telus”***

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK**, *SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.*

Setiausaha Kerajaan Pahang

**Tarikh : November 2019**

SUKPHG-9.100-1/3/1 (9)

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Badan Berkanun Negeri

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Tatacara Penggunaan #MajuTerusPahang dan #Pahang1 <sup>st</sup>	5

**TATACARA PENGGUNAAN #MajuTerusPahang DAN #Pahang1<sup>st</sup>**



Format yang dipersetujui adalah seperti berikut:

- (1) Menggunakan tulisan jenis **Verdana**;
- (2) Menggunakan **Capitalize Each Word** dan dimulakan dengan **hashtag (#)** bagi setiap cogan kata;
- (3) Menggunakan tulisan bersaiz **12**;
- (4) Tulisan hendaklah di-**Italic** dan **Bold**;
- (5) Cogan kata berada di kepala surat dengan jarak **satu (1)** senggang daripada *letterhead*; dan
- (6) Berada pada kedudukan **centre** dan **jarak satu tab** di antara dua cogan kata.